

20 Mei 2025

Kepada Badan Atau Orang Perseorangan Yang Berkepentingan.

**Jemputan Untuk Membuat Ulasan Berkenaan Dengan Pensijilan Semula MSPO Bagi Yu
Yee Plantations Sdn Bhd**

Yu Yee Plantations Sdn Bhd telah melantik Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. (TRANS) untuk melaksanakan pensijilan semula Malaysian Sustainable Palm Oil. Penilaian akan dilaksanakan ke atas **Ladang Yu Yee Plantations Sdn Bhd**.

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. merancang untuk melakukan pensijilan semula bagi **Ladang Yu Yee Plantations Sdn Bhd** pada **23.06.2025 - 24.06.2025**. Penilaian akan diadakan menurut MS 2530-3-1:2022 General Principles for Oil Palm Plantations (40.46 to 500 hectares). Salinan Standard MS 2530-3-1:2022 boleh didapati daripada Jabatan Standard Malaysia melalui: mysol.jsm.gov.my. Penilaian akan merangkumi isu-isu undang-undang, alam sekitar, ekonomi, keselamatan dan kesihatan pekerja dan isu-isu sosial sepertimana yang diperlukan oleh penilaian MSPO.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit pensijilan:

Ladang	Alamat	Luas Kawasan (Ha)	Rujukan GPS
Yu Yee Plantations	Lot 2492, 4680, 4681 Mukim Chenor, 26400 Maran, Pahang	236.00	N 3° 50' 50.2" E 102° 37' 43.8"
Yuseng Plantations Sdn Bhd	Batu 64, Jalan Kuantan Jerantut, Sungai Jerik, 27080 Maran, Pahang	101.00	N 3° 43' 53.8" E 102° 38' 32.4"

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. adalah 100% Syarikat Bumiputra yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. TRANS adalah pembekal pensijilan, kualiti pengurusan dan pensijilan produktiviti semenjak tahun 2015, TRANS telah bergiat aktif dalam bidang pengauditan dan bekerjasama dengan beberapa Badan Pensijilan lain. TRANS telah mewujudkan satu prosedur khusus bagi rungutan dan aduan, yang boleh di dapati di laman web: <https://transcert.com.my/complaint-procedure/>. Pasukan audit dari Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd. yang akan melaksanakan audit pensijilan semula di **Yu Yee Plantations Sdn Bhd** terdiri daripada:

- i) Encik Mohd Johari Bin Md Kassim sebagai Ketua Juruaudit (Aspek Undang-Undang, Sosial dan Temuduga Stakeholder dalaman dan luaran)
- ii) Encik Mohd Fikhri Haizum Bin Isamudin sebagai Juruaudit (Aspek Persekitaran dan HCV)

Sebagai persediaan untuk proses penilaian ini, mana-mana badan atau perseorangan yang berkepentingan adalah dijemput untuk memberikan sebarang ulasan/komen secara bertulis mengenai penilaian berkaitan dengan aspek alam sekitar atau sosial yang difikirkan berkaitan.

Berikut adalah keterangan dan butiran unit pensijilan:

Page | 2

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Nama Ladang	Tarikh	Masa	Alamat
Yu Yee Plantations Sdn Bhd	23/6/2025	10.00 am	Lot 2492, 4680, 4681 Mukim Chenor, 26400 Maran, Pahang
Yuseng Plantations Sdn Bhd	24/6/2025	10.00 am	Batu 64, Jalan Kuantan Jerantut, Sungai Jerik, 27080 Maran, Pahang

Sekiranya pihak Tuan atau Puan tidak berkesempatan untuk menghadiri mesyuarat penilaian ini. Tuan dan Puan dijemput untuk mengirimkan email berkaitan isu yang ingin dibangkit kepada Juruaudit semasa / selepas Penilaian Malaysian Sustainable Palm Oil dijalankan.

Topik-topik yang mungkin hendak dibincangkan adalah seperti berikut:

- Perlindungan alamsekitar
- Penjagaan 'Biodiversity'
- Peluang-peluang pekerjaan
- Pendekatan pihak syarikat dalam kemajuan komuniti
- Perhubungan anda dengan pihak syarikat
- Penyertaan dalam proses membuat keputusan
- 'Free, prior and informed consent' (FPIC)
- Cadangan-cadangan penambahbaikan

Pihak tuan-puan boleh mengemukakan aduan atau komen bertulis kepada pihak kami.

Aduan atau komen yang akan dipertimbangkan di dalam pengauditan hendaklah diterima dalam masa 30 hari daripada tarikh surat ini.

Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Sila lengkapkan butiran seperti berikut supaya anda dapat dihubungi apabila terdapat sebarang kekeliruan pada isu-isu yang dibangkitkan.

Nama:	
Alamat:	
E-mail:	
Nombor Telefon:	
Nombor Fax:	

Jika aduan atau komen yang anda hendak ajukan itu berbentuk sulit dan rahsia atau tidak ingin diketahui penamanya, sila nyatakan "SULIT" dan hantarkan kepada:

MSPO Scheme Coordinator

Trans Certification & Inspection Sdn.
Bhd.
No. B30, Tingkat 1,
Jalan IM2/5, Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan Pahang
Tel: +609-5751333.
Email: info@transcert.com.my

Terima kasih di atas maklumbalas yang diberikan.

Yang Benar,



Mohd Johari Bin Md Kassim

Skim Koodinator MSPO (Memangku)

Trans Certification & Inspection Sdn. Bhd.